

1. Maklumat di bawah berkaitan dengan keunikan pelbagai kaum.

Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana mempunyai rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India, Punjabi, Kadazandusun, Iban, Orang Asli, Baba dan Nyonya, Portugis dan lain-lain. Setiap kaum menganuti agama dan kepercayaan masing-masing, antaranya termasuklah Islam, Buddha, Hindu, Kristian, Sikh dan animism. Kepelbagaian ini tidak menghalang rakyat Malaysia untuk menerima dan menghormati norma dan budaya kaum lain. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan keharmonian dan keamanan. Kepelbagaian ini menjadikan rakyat Malaysia unik di persada dunia.

(a) Nyatakan nama pakaian bagi kaum berikut: [2 markah]

i. Punjabi

F1	Salwar Kameez/ Baju Punjabi
----	-----------------------------

ii. Kadazandusun

F1	Himpogot/siling/tongkong/tapi
----	-------------------------------

(b) Terangkan kepentingan keunikan rakyat Malaysia. [3 markah]

F1	Dapat mengukuhkan perpaduan rakyat Malaysia
H1	Dapat menerima persamaan dan perbezaan kepelbagaian budaya
H2	Dapat hidup aman damai tanpa konflik
C1	Rakyat hidup bersatu padu
F2	Dapat menjadi kebanggaan negara
H1	Keunikan rakyat Malaysia menjadi lambang identiti negara
H2	Nilai murni dan kemesraan yang ditunjukkan menarik minat dunia luar
H3	Budaya kunjung-mengunjungi pada hari perayaan meningkatkan imej negara
F3	Mengukuhkan kestabilan politik dan ekonomi
H1	Menarik pelancong asing
C1	Menggalakkan kemasukan pelabur asing
F4	Melahirkan generasi baharu yang mengekalkan kepelbagaian
H1	Meningkatkan kesedaran tentang kefahaman budaya pelbagai kaum
C1	Kebudayaan tidak akan ditelan zaman

(c) Wajarkah isu sensitif disebarluaskan melalui media sosial? Bincangkan alasan anda.

[2 markah]

F1	Tidak wajar
H1	Menggugat perpaduan negara
H2	Menyinggung perasaan orang lain
H3	Mencetuskan sifat kebencian dan prasangka buruk antara kaum
H4	Mengancam keselamatan negara

(d) Jelaskan cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan keunikan rakyat Malaysia.[3 markah]

F1	Cabar bahasa
H1	Kegagalan menguasai Bahasa Melayu menyukarkan proses komunikasi
H2	Maklumat yang disampaikan tidak difahami
H3	Salah faham wujud
F2	Cabar budaya luar
H1	Penyerapan budaya barat menghakis jati diri
H2	Budaya negatif seperti hedonisme
F3	Polarisasi kaum

H1	Memilih kawan terdiri daripada kaum dan agama yang sama
H2	Sikap tidak menerima kepelbagaian budaya mencetuskan konflik
H3	Sikap perkauman yang semakin menebal wujud
F4	Cabarhan sosial
H1	Masyarakat lebih mementingkan budaya sendiri
H2	Menimbulkan perasaan taasub terhadap budaya dan agama masing-masing
H3	Tidak faham cara hidup dan masalah kaum lain

2. Gambar di bawah memaparkan masalah sosial yang berlaku dalam kalangan remaja yang semakin merisaukan pelbagai pihak, terutamanya ibu bapa dan guru.



(a) Apakah perasaan anda setelah membaca tajuk berita tentang kes salah laku remaja di atas? Berikan alasan anda. [2 markah]

J1	Sedih
H1	Pelajar tidak mementingkan isi pelajaran
H2	Masa depan akan terjejas
H3	Kesihatan terjejas

(b) Berikan contoh gejala yang berlaku dalam kalangan remaja. [2 markah]

F1	Buli
F2	Melepak
F3	Ponteng sekolah
F4	Penyalahgunaan dadah

(c) Jelaskan punca murid sekolah terlibat dalam gejala budaya vape. [3 markah]

F1	Vape boleh didapati dengan mudah dan murah
F2	Terdapat pelbagai perisa yang menarik minat murid
F3	Undang-undang berkaitan dengan vape tidak diperketatkan
F4	Pengaruh rakan sebaya
F5	Perasaan ingin cuba

(d) Jika anda melihat kawan baik melakukan kes salah laku, apakah tindakan anda berdasarkan prinsip keadilan? [3 markah]

F1	Melaporkan kepada guru disiplin
H1	Perbuatan salah di sisi peraturan sekolah
H2	Memberi pengajaran kepada kawan
H3	Supaya tidak mengulangi kesalahan

3. Gambar di bawah berkaitan dengan kes penipuan dalam talian yang sering disiarkan di media massa.



Bermacam-macam kes penipuan dalam talian yang bertimbun dilaporkan, antaranya Macau Scam, penipuan pinjaman, pelaburan, Love Scam dan seumpamanya.

(a) Nyatakan tiga punca berlakunya kes penipuan dalam talian.

[3 markah]


F1	Kurang kesedaran dengan kes penipuan/kesedaran rendah
F2	Mudah terpengaruh dengan iklan/kata-kata manis
F3	Sikap tamak

(b) Jelaskan kesan jika seseorang individu menjadi mangsa kes sebegini.

[4 markah]

F1	Mengalami tekanan mental dan emosi
H1	Mengalami kemurungan sehingga menjadikan kesihatan
F2	Kehilangan wang simpanan
H2	Wang simpanan untuk kecemasan hilang

(c) Gambar berikut menunjukkan mesej yang sering diterima oleh pengguna media sosial.



Jelaskan tindakan yang patut diambil oleh seseorang individu yang menerima mesej seperti di atas.

[2 markah]

F1	Tidak menghiraukan/Abaikan mesej tersebut
F2	Melaporan kepada pihak berkuasa
F3	Tidak perlu membuat panggilan kepada nombor yang diberikan
F4	Memberitahu kepada orang sekeliling untuk mengelakkan mereka tertipu

(d) Namakan portal rasmi yang bertanggungjawab untuk menyemak kesahihan maklumat.

[1 markah]

F1	Sebenarnya.my
----	---------------

4. Gambar di bawah menunjukkan Misi Kemanusiaan Bencana Banjir.



(a) Nyatakan maksud perikemanusiaan. [2 markah]

F1	Sifat yang wajar bagi manusia
F2	Seperti bertimbang rasa, tolong-monolong dan mengasihani orang lain

(b) Berdasarkan gambar di atas, jelaskan perasaan anda sekiranya anda adalah mangsa banjir.

[2 markah]

F1	Sedih
H1	Banyak peralatan rumah rosak akibat dinaiki air

(c) Huraikan dua bentuk bantuan yang boleh diberikan kepada mangsa banjir tersebut.

[4 markah]

F1	Bantuan keperluan asas
H1	Boleh menderma makanan, pakaian dan sebagainya kepada mangsa banjir
F2	Bantuan kewangan
H2	Derma wang untuk mengurangkan beban kewangan mangsa banjir
F3	Bantuan fizikal
H3	Membersihkan rumah selepas banjir

(d) Berikan kesan jika nasib mangsa banjir diabaikan. [2 markah]

F1	Bebanan kos yang ditanggung oleh kerajaan tinggi
F2	Keselamatan dan kesihatan mangsa banjir terabai
F3	Tekanan jiwa dan emosi
F4	Wujud masyarakat yang pentingkan diri sendiri

5. Maklumat yang berikut adalah berkaitan dengan kepentingan mengisytiharkan cukai pendapatan dalam kalangan rakyat.



Cukai pendapatan merupakan salah satu sumber pendapatan negara bagi membolehkan kerajaan merangka bajet tahunannya. Kerajaan perlu memastikan pendapatan negara boleh menampung perbelanjaan tahunannya supaya setiap projek yang dirancang dapat dijalankan dengan jayanya. Bagi mereka yang baru bekerja ataupun telah memenuhi syarat akan dikenakan cukai pendapatan. Anda tidak perlu berasa takut atau risau untuk mengisytiharkan pendapatan anda. Malah, siapa sangka anda akan dapat lebihan cukai lagi.

(a) Andaikan anda adalah kakitangan kerajaan. Apakah tindakan yang wajar dilakukan sekiranya mendapat arahan untuk membayar cukai? [3 markah]

F1	Segera mengisytiharkan dan membayar cukai mengikut kadar yang ditetapkan
F2	Menghubungi LHDN untuk mengetahui prosedur pembayaran cukai/Mengemas kini butir-butir cukai di laman web yang disediakan
F3	Memperuntukkan kewangan yang sewajarnya untuk membayar cukai

(b) Apakah kepentingan cukai kepada negara? [3 markah]

F1	Menjana ekonomi dan pendapatan negara
F2	Membuat pulih fasiliti dan infrastruktur untuk kepentingan rakyat
F3	Sebagai kos pentadbiran dan pembangunan negara

(c) Ramalkan kesan terhadap negara sekiranya rakyat enggan membayar dan mengisytiharkan cukai. [2 markah]

F1	Fasiliti dan infrastruktur negara tidak dapat dibaiki dengan baik
F2	Ekonomi negara terjejas akibat kurang kutipan cukai
F3	Negara berisiko untuk membuat pinjaman daripada bank dunia akibat kekurangan dana kewangan
F4	Memberi imej negatif kepada negara

(d) Cadangkan usaha yang boleh dilakukan untuk menyedarkan masyarakat membayar dan mengisytiharkan cukai. [2 markah]

F1	Mengadakan ceramah kesedaran tentang kepentingan membayar cukai
F2	Kempen galakkan membayar cukai
F3	Memberikan potongan istimewa kepada rakyat yang membayar cukai tepat pada masanya

#### Soalan Esei Bahagian B

1. Gambar menunjukkan amalan bergotong-royong dalam kalangan penduduk di sebuah taman.



(a) Senaraikan contoh amalan norma masyarakat lain.

[2 markah]

F1	Menghormati orang yang lebih tua
F2	Mengucapkan salam
F3	Menziarahi orang sakit
F4	Beratur semasa menggunakan pengangkutan awam
F5	Duduk ketika makan dan minum
F6	Beramah mesra bersama-sama jiran tetangga

(b) Bincangkan kepentingan amalan norma masyarakat yang telah diamalkan oleh penduduk tersebut.

[8 markah]

F1	Membentuk masyarakat yang harmoni
H1	Penduduk tersebut saling berinteraksi dan berkomunikasi secara berhemah dan bertatasusila
H2	Penduduk menunjukkan perilaku yang baik dan boleh dicontohi kepada golongan muda
C	Penduduk menghormati perbezaan dan keunikan masyarakat yang lain
F2	Menjadikan suasana persekitaran lebih bersih dan ceria
H1	Kawasan yang dibersihkan akan kelihatan kemas, ceria, tersusun dan terpelihara
H2	Mengelakkan pembiakan makhluk perosak dan serangga yang berbahaya
C	Tempat pembiakan nyamuk dapat dihapuskan dan menjadikan kediaman penduduk lebih selamat

2. Gambar berikut berkaitan dengan isu sensitif.



(a) Senaraikan isu sensitif yang menyebabkan berlakunya rusuhan kaum. [2 markah]

F1	Agama Islam sebagai agama rasmi
F2	Kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan Bumiputera
F3	Kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
F4	Kewarganegaraan
F5	Kedudukan raja-raja Melayu

(b) Pada pendapat anda, apakah peranan anda sebagai warganegara Malaysia? [8 markah]

F1	Mematuhi peraturan dan undang-undang
H1	Menjaga keamanan negara dengan tidak terlibat dalam jenayah
C	Memandu kereta dengan tidak melanggar lampu isyarat/had laju yang ditetapkan
H2	Tidak menyentuh isu perkauman yang menjelaskan keselamatan masyarakat
C	Memburuk-burukkan satu kaum
F2	Mempunyai kesetiaan yang tinggi kepada negara
H1	Tidak menyertai aktiviti subversif
H2	Mempertahankan negara daripada dicampur tangan oleh anasir luar
C	Tidak memburuk-burukkan nama negara Malaysia

### Soalan Esei Bahagian C

1. Keratan akhbar yang berikut adalah mengenai kejayaan beberapa orang murid yang berjaya mengharumkan nama negara di persada dunia.

#### 6 murid menang anugerah Pertandingan Pendidikan Robotik Dunia 2019

Mohd Amin Jali - Januari 11, 2020 @ 4:19pm

bhnews@bh.com.my



Dr Mohamad Rafe Malek (tengah) bersama pemenang kategori inovasi. - NSTP/Mohd Amin Jali

SEREMBAN: Enam murid mengharumkan nama negara apabila memenangi dua anugerah terbaik pada Pertandingan Pendidikan Robotik Dunia 2019 (WARC 2019), di Shanghai, China.

(a) Apakah cara lain yang mampu mengharumkan nama negara di persada dunia selain menyertai pertandingan antarabangsa? [4 markah]

F1	Mencipta kejayaan dalam pelbagai bidang
F2	Melibatkan diri dalam pelbagai pertandingan antarabangsa
F3	Menaik taraf dan membuat penjenamaan semula untuk tempat pelancongan
F4	Mereka cipta inovasi baharu dalam bidang sains dan teknologi
F5	Memelihara warisan negara
F6	Menganjurkan persidangan dan karnival di peringkat antarabangsa
F7	Membuat pameran tentang keuikan budaya di peringkat antarabangsa

(b) Terangkan kepentingan mengharumkan nama negara di persada dunia. [8 markah]

F1	Kehadiran pelancong asing meningkat
H1	Membangunkan infrastruktur negara dengan pesat

H2	Meningkatkan taraf hidup
C	Perkembangan dalam sektor perubatan dan kesihatan berjaya meningkatkan imej negara
F2	Industri import dan eksport berkembang pesat
H1	Perkembangan import dan eksport memenuhi keperluan rakyat tempatan
H2	Meningkatkan kadar KDNK negara
C	Pertumbuhan eksport dalam sektor perindustrian seperti barang elektrik dan elektronik

(c) Pada pendapat anda, bagaimanakah murid-murid di atas berjaya memenangi anugerah dalam pertandingan tersebut? [8 markah]

F1	Melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kokurikulum
H1	Bakat dan kebolehan para murid akan terserlah dapat digilap untuk mencapai kejayaan
H2	Murid cemerlang tidak rela dilabel sebagai ulat buku dan mahu menunjukkan pencapaian yang tinggi dalam bidang kokurikulum
C	Melibatkan diri dalam aktiviti yang diadakan oleh unit beruniform seperti berkawad dan berkhemah
F2	Memiliki sikap kerajinan dan dedikasi yang tinggi
H1	Gigih berlatih sebagai persediaan untuk menghadapi pertandingan serta rajin mengulang kaji pelajaran
H2	Saling berdiskusi dengan guru pelatih dan ahli kumpulan
C	Menepis rasa malas belajar dan berlatih demi mencapai kejayaan yang gemilang

2. Gambar di bawah menunjukkan rakyat berbilang kaum di Malaysia.



(a) Nyatakan agensi yang bertanggungjawab memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum di negara kita. [4 markah]

F1	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
F2	Jabatan Penerangan Malaysia
F3	Rukun Tetangga
F4	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

(b) Bagaimanakah anda sebagai rakyat Malaysia dapat memelihara dan mengekalkan perpaduan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya serta kepercayaan yang berlainan? [8 markah]

F1	Bertolak ansur dengan budaya dan kepercayaan pelbagai kaum
H1	Menerima baik amalan budaya dan agama kaum lain
H2	Menjalin persahabatan dengan rakan pelbagai kaum

C	Berkawan dan berinteraksi tanpa mengira kaum demi memupuk persefahaman
F2	Menghargai hubungan antara kaum dengan meraikan bersama perayaan pelbagai kaum
H1	Berpeluang mengenal budaya dan adat resam sesame masyarakat sambil memperbaharui ikatan persahabatan
H2	Tidak menyentuh isu sensitif perkauman
C	Tidak memberi pandangan negatif berkaitan isu agama, isu bahasa dan isu hak keistimewaan orang Melayu

(c) Ramalkan kesan terhadap negara jika semangat perpaduan tidak dapat dipupuk berdasarkan nilai-nilai universal yang telah dipelajari. [8 markah]

F1	Kedaulatan negara tergugat
H1	Rakyat saling bermusuhan dan prejudis
H2	Negara menjadi kucar-kacir akibat tiada kesepakatan rakyat
C	Menyentuh isu sensitif berkaitan isu hak keistimewaan orang Melayu
F2	Ekonomi negara terjejas
H1	Pertelingkahan antara kaum menyebabkan ketidakstabilan ekonomi berlaku
H2	Menjejaskan pembangunan negara
C	Pelancong asing tidak mahu melancong ke negara kita akibat keunikan Malaysia telah pupus akibat semangat perpaduan tidak dapat dipupuk